



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

PERSEDIAAN MENYAMBUT RAMADAN

Tarikh:

09 APRIL 2021M / 26 SYAABAN 1442H

Disediakan oleh :

Bahagian Rujukan Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pahang

**Persedian Menyambut Ramadan
9 April 2021M/26 Syaaban 1442H**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Kita semakin menghampiri bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan. Alhamdulillah syukur kepada Allah Subhanahu wa-Taala kerana kita telah dibenarkan mendirikan solat sunat tarawih berjemaah di masjid dan surau di seluruh negara. Marilah kita mencontohi amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi wa

Sallam dan para sahabat Radhi Allahu anhum dalam persediaan menghadapi Ramadan. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Yunus ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

58
قُلْ يَفْضُلُ اللَّهُ وَرَحْمَتُهُ فِي ذَلِكَ فَلَيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

Yang bermaksud: Katakanlah: "Dengan kurnia Allah dan rahmat-Nya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia Allah dan rahmat-Nya itu adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallamserta para sahabat Radhi Allahu anhum menyambut Ramadan bukan memikirkan tentang persediaan makanan, minuman serta juadah yang enak. Sebaliknya mereka menambah amal ibadah pada bulan Syaaban sebagai latihan sebelum Ramadan. Ibnu Rajab al-Hanbali berkata, "Adalah Salafussoleh apabila berada pada bulan Syaaban akan memperbanyakkan bacaan al-Quran sehingga apabila datang Ramadan jiwa mereka dapat menerima begitu mudah untuk membaca al-Quran."

Marilah kita bersama-sama menghadiri majlis ilmu untuk menambah ilmu berkaitan dengan puasa kerana ibadah tanpa ilmu akan menjadi sia-sia. Berazamalah untuk mengisi bulan Ramadhan tahun ini dengan ketaatan kepada

Allah Subhanahu wa-Taala agar menjadi lebih baik daripada sebelumnya. Jangan jadikan ujian Covid-19 ini alasan yang menyebabkan kita meringan dan mengabaikan ibadah pada bulan Ramadan. Oleh itu, marilah kita bersungguh-sungguh menunaikan ibadah solat tarawih sebanyak dua puluh rakaat sebagaimana qaulmuktamad Imam as-Syafie. Semoga dengan kesungguhan kita beribadah, Allah akan menyelamatkan kita semua daripada musibah ini. Hayatilah peringatan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنبِهِ

Yang bermaksud: “Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan maka diampunkan dosanya yang telah lalu.”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرَضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ

أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ



Yang bermaksud: “Berlumba-lumbalah kepada ampunan daripada Tuhan kamu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi disediakan untuk orang yang bertakwa.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقَتِهِ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيُؤْلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.